

# Pendakian Solo 1 Malaysia Catat Malaysia Book of Records

Mohd. Noor Mat Amin mencipta rekod baru apabila berjaya menyempurnakan pendakian ke puncak Gunung Kinabalu sebanyak 111 kali dalam 111 hari selepas lebih tiga bulan menempuh pelbagai cabaran untuk menjayakannya.

Beliau yang memulakan misinya pada 31 Disember 2009, menamatkan pendakian terakhir ke 111 pada 20 April yang lalu. Ketibaannya pada pukul 11.50 pagi di Gerbang Timpohon, Taman Kinabalu disambut Pengerusi Eksekutif Kumpulan Utusan, Tan Sri Mohamed Hashim Ahmad Makaruddin; Penolong Ketua Pengarah 1, Zaini Hassan; dan Timbalan Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah, Prof. Madya Dr. Hj Kasim Hj Md Mansur.

Mohd. Noor kemudian dikalungkan bunga oleh Ketua Setiausaha Politik Kepada Ketua Menteri Sabah, Nizam Abu Bakar Titingan yang mewakili kerajaan Sabah dalam satu majlis meraikannya yang dihadiri lebih 100 mahasiswa dan kakitangan UMS.

Kejayaannya melayakkan namanya dicatat dalam Malaysia Book of Records dan projek tersebut merupakan usaha pertama seumpamanya yang dilakukan di negara ini.

"Saya bangga mampu menamatkan pendakian ini walaupun sebelumnya terdapat segelintir pihak yang sinis dan tidak yakin," katanya sambil merakam penghargaan kepada UMS dan kerajaan negeri atas segala sokongan dan bantuan.

Misinya menawan puncak Gunung Kinabalu adalah fasa pertama projek pendakian solo tersebut sebelum memulakan fasa kedua iaitu mendaki Menara Kuala Lumpur sebanyak 111 kali dalam seminggu. Pendakian di menara tersebut akan melayakkan nama Mohd. Noor dimasukkan dalam Guinness World Book of Records.

Akhbar Utusan Malaysia, Kosmo! dan TV3 merupakan media rasmi untuk projek tersebut yang dianjurkan oleh Kelab Rekreasi Kota dan UMS.

